

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

BENGKEL PENULISAN PSRR TAHUN 2024 PUSAT PENGAJIAN DAN PENGURUSAN PERNIAGAAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN SARAWAK KAMPUS MUKAH

Penulis : Siti Nur Atiqah Mohd Shafie, Nur Ain Abu Bakar, Francesca Enchang, dan Amira Hazwani Anuar

MUKAH: Unit Kualiti UiTM Cawangan Sarawak dengan kerjasama Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Sains Gunaan dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah menganjurkan Bengkel Penulisan PSRR Tahun 2024. Bengkel ini berlangsung selama 2 hari iaitu bermula pada 8 sehingga 9 Februari 2025 di Bilik Seminar Takan Berambenh, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Bengkel ini melibatkan 45 orang pensyarah yang terdiri daripada penceramah, fasilitator, AJK semakan kandungan, AJK semakan dan penyedia bukti dan AJK penganjur.

Sebelum bengkel dijalankan, satu sesi taklimat telah disampaikan oleh Ts. Dr. Siti Nor Ain Seri Masran, Koordinator Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan. Beliau telah memberi penerangan berkaitan langkah-langkah praktikal dalam penyediaan PSRR 2024, termasuk keperluan dokumen yang perlu disediakan oleh pensyarah bagi program-program akademik di bawah seliaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Beliau turut menekankan kepentingan pengumpulan data yang teliti dan lengkap untuk menyokong penulisan PSRR yang berkualiti serta sebagai asas kepada strategi penambahbaikan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi penerangan dan taklimat kepada penulis, penyedia dan pemilik dokumen berkaitan untuk tujuan penulisan PSRR bagi tahun 2024 untuk program akademik di bawah seliaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Objektif lain termasuklah menyiapkan penulisan PSRR bagi setiap program, melakukan pemurnian dan penstrukturan penulisan yang seragam, serta menjalankan semakan penulisan dan bukti yang berkaitan.



Barisan peserta Bengkel Penulisan PSRR Tahun 2024



Sesi taklimat penulisan PSRR dari Ts. Dr. Siti Nor Ain Seri Masran selaku Koordinator Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK)

Beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang bengkel ini berlangsung iaitu aktiviti penulisan PSRR, semakan penulisan mengikut program serta semakan penulisan dan bukti bagi dokumen berkaitan. Program yang bermula seawal 8.00 pagi dan tamat pada jam 5.30 petang ini telah dihidangkan jamuan makan merangkumi sarapan pagi, makan tengahari dan minum petang. Bengkel ini telah dijalankan dari jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang dan turut menyediakan jamuan sarapan pagi, makan tengah hari dan minum petang kepada para peserta.